



## HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Sila baca dan fahami Helaiian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini

### NAMA PRODUK:

**PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2-i**

### TARIKH:

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

### 1. Apakah produk ini?

Ia adalah suatu kemudahan pembiayaan berjangka berlandaskan Shariah bagi memudahkan anda untuk melabur di dalam unit-unit Amanah Saham Bumiputera 2(ASB2).

### 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

Kontrak Shariah yang digunakan untuk produk ini ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) berdasarkan aturan Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan di mana kos dengan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda akan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan merupakan komoditi khusus patuh Shariah yang boleh dipasarkan.


- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, kami memperoleh/membeli komoditi patuh Shariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- Kami kemudian menjual komoditi kepada anda dengan harga jual bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan kami. Anda membayar secara berjangka dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Kemudian, anda akan melantik kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2).
- Kami, sebagai wakil anda kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut amaun pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada anda, vendor atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah.

### 3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. SBR disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu KAS = KDS) dan semua Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar Asas Islam (KAI) sedia ada pula ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KAI dan KPA akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam KDS seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

#### 4. Sejarah penanda aras Kadar Asas Standard (KAS) untuk 3 tahun yang lalu.



Nota: Garis putus-putus menunjukkan sejarah KDS, iaitu kadar penanda aras KAS.

#### 5. Apakah yang dapat saya perolehi daripada produk ini?

No	Ciri - Ciri	Penerangan									
i.	Jumlah Kemudahan	<p>Minimum: RM10,000 Maksimum: Sehingga RM200,000.00 bagi setiap pelanggan pada satu masa (termasuk Pembiayaan ASB2 sedia ada, jika ada) atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah.</p> <p>Jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh pihak kami.</p>									
ii.	Kadar Keuntungan Siling (KKS)	Pengiraan KKS pada masa kelulusan pembiayaan ialah Kadar Asas Standard (KAS*) + 7.65% atau minimum 10.0% setahun, yang mana lebih tinggi. KKS juga dikira sebagai harga siling.									
iii.	Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah Pembiayaan</th> <th>Termasuk PRTT</th> <th>Tanpa PRTT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bawah RM30,000</td> <td>KAS*+1.70% setahun (Kadar Efektif : 4.70%)</td> <td>KAS*+1.80% setahun (Kadar Efektif : 4.80%)</td> </tr> <tr> <td>RM30,000 dan ke atas</td> <td>KAS + 1.45% (Kadar Efektif : 4.45%)</td> <td>KAS + 1.55% (Kadar Efektif : 4.55%)</td> </tr> </tbody> </table>	Jumlah Pembiayaan	Termasuk PRTT	Tanpa PRTT	Bawah RM30,000	KAS*+1.70% setahun (Kadar Efektif : 4.70%)	KAS*+1.80% setahun (Kadar Efektif : 4.80%)	RM30,000 dan ke atas	KAS + 1.45% (Kadar Efektif : 4.45%)	KAS + 1.55% (Kadar Efektif : 4.55%)
		Jumlah Pembiayaan	Termasuk PRTT	Tanpa PRTT							
		Bawah RM30,000	KAS*+1.70% setahun (Kadar Efektif : 4.70%)	KAS*+1.80% setahun (Kadar Efektif : 4.80%)							
RM30,000 dan ke atas	KAS + 1.45% (Kadar Efektif : 4.45%)	KAS + 1.55% (Kadar Efektif : 4.55%)									
*Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah 3.00% berkuatkuasa 8 May 2023											
iv.	Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% atas nilai nominal unit ASB2</li> <li>105% (jika termasuk Takaful Peribadi Pengurangan Berjangka (PRTT) dan/atau wasiat fi (jika ada) termasuk cukai perkhidmatan).</li> </ul>									
v.	Tempoh	Sehingga 35 tahun atau menjangkau umur 70 tahun, yang mana lebih awal.									

#### 6. Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada 1hb setiap bulan.

Bayaran ansuran bulanan adalah sebanyak RM 130

Jumlah keseluruhan bayaran selama 30 tahun ialah sebanyak RM 46,800

Kadar	Hari ini (Kadar semasa 4.70%)	Jika kadar keuntungan naik 1% (5.70%)	Jika kadar keuntungan naik 2% (6.70%)
Ansuran bulanan (Purata)	RM130	RM146	RM162
Jumlah kos keuntungan pada akhir 30 tahun	RM21,800	RM27,560	RM33,320
Jumlah pembayaran pada akhir 30 tahun	RM46,800	RM52,560	RM58,320

Pengiraan di atas adalah berdasarkan andaian berikut. Ianya tertakluk kepada perubahan keatas terma dan syarat:

- i. Amaun Pelaburan : RM 25,000
- ii. Kadar Keuntungan : 4.70%
- iii. Tempoh Pembiayaan : 30 tahun

Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAS, dengan notis bertulis kepada anda 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan, mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran Jika KAS berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Siling.

#### 7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No	Perkara	Yuran/Caj
i.	Duti Setem	Seperti yang tertera di dalam Akta Setem 1949 (pindaan 1989)
ii.	Fi Langganan ASNB	RM50.00 setiap Sijil

Nota : Yuran/caj akan dibayar kepada pihak ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Fi Langganan ASNB adalah tertakluk kepada mana-mana cukai dikenakan pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan). Jika terdapat perubahan yuran dan caj, notis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

#### 8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Caj Lewat Bayar</b></li> </ul>	<p>Kami mempunyai hak untuk menuntut pampasan ke atas sebarang bayaran lewat dan bayaran tertunggak, berlandaskan mekanisma seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan dikeluarkan sehingga tarikh matang, Caj Lewat Bayar sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak.</li> <li>ii. <u>Apabila Matang</u> Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan sekiranya kegagalan membayar jumlah baki keseluruhan pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu.</li> </ol> <p>Walaupun bagaimanapun, Caj Lewat Bayar yang dikenakan tidak akan dikompaun kepada baki Jumlah Kemudahan.</p>
--	--



<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Hak Penjualan</b></li> </ul>	<p>Kami berhak menjual Sijil ASB2 jika berlaku Kejadian Mungkir (tunggakan bayaran ansuran untuk dua (2) bulan atau lebih) dan tindakan undang - undang boleh diambil terhadap anda jika masih terdapat sebarang kekurangan bayaran selepas penjualan sijil ASB2.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Hak Penyelesaian</b></li> </ul>	<p>Pihak kami berhak menolak selesai (dengan 7 hari kalendar notis bertulis diberikan terlebih dahulu) mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan kami untuk membayar mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Kadar Kemungkiran</b></li> </ul>	<p>Jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan di bawah Kemudahan ini, Bank berhak menaikkan kadar keuntungan margin kepada Kadar Asas Standard + 6.15% setahun (“Kadar Kemungkiran”) untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>Notis bertulis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pertukaran Kadar Kemungkiran atau apa-apa kadar lain.</p> <p>Kadar Kemungkiran akan terpakai sehingga anda mengurangkan jumlah tertunggak anda kurang dari tiga (3) bulan, di mana kadar keuntungan asal akan terpakai semula. Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi Harga Jualan Bank.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Tindakan undang-undang</b></li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda dalam keadaan berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Akumulasi jumlah kekurangan defisit bayaran bulanan (jika ada).</li> <li>b) Kegagalan memberi respond kepada notis peringatan.</li> </ol> </li> <li>2. Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebaskan anda pada masa hadapan.</li> <li>3. Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk apa-apa tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh kami.</li> </ol>

**9. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas kemudahan ini sebelum tarikh matang?**

- i. Kami akan memberi rebat (Ibra’) kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada situasi-situasi berikut:
  - a) Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;
  - b) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
  - c) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank.
- ii. Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi diterjemahkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan bayaran ansuran kemudahan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh pihak kami.

Baki Harga Jualan	<b>Tolak</b>	Baki Kemudahan	<b>Tolak</b>	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
-------------------	--------------	----------------	--------------	---

Nota: Untuk ilustrasi selanjutnya tentang rebat, sila rujuk [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)

**10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Unit pelaburan ASB2 melalui pembiayaan ini akan digunakan sebagai cagaran.

Penjamin adalah tidak diwajibkan, dan ia akan berdasarkan kepada keupayaan pembayaran dan lain-lain pertimbangan kredit:-

- o Warganegara Malaysia
- o Satu (1) penjamin sahaja. Ia mestilah ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau anak yang boleh membuat bayaran balik pembiayaan.
- o Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 70 tahun.
- o Penjamin mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pembiayaan yang memuaskan di institusi kewangan.
- o Tidak muflis.
- o Nisbah khidmat hutang sehingga 75%.

**11. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?**

Anda digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan takaful untuk perlindungan sekiranya berlaku kematian dan kecacatan kekal. Jumlah caruman takaful atas sumbangan tunggal bergantung kepada jumlah pembiayaan, umur dan jantina. Anda adalah disyorkan untuk mengambil perlindungan takaful daripada pengendali takaful panel kami (Etiqa Family Takaful Berhad) atau mana-mana panel takaful yang diluluskan oleh kami.

Nota:

Panel pengendali takaful Bank hanya menyediakan perlindungan maksima sehingga 35 tahun atau ulang tahun sijil sebelum hari lahir ke-65 anda, yang mana lebih awal. Bagi tempoh pembiayaan melebihi tempoh perlindungan /umur maksima, perlindungan PRTT tidak akan memadai dan tidak akan memberikan perlindungan untuk baki tempoh pembiayaan.

**12. Berapakah jumlah sijil yang saya boleh beli pada setiap permohonan pembiayaan ASB2?**

Jumlah belian sijil yang dibenarkan adalah mengikut jumlah unit seperti berikut :

<b>JUMLAH UNIT &lt; 50,000.00</b>	<b>JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN: 2 SIJIL</b>	
<b>JUMLAH SIJIL</b>	<b>NILAI SIJIL (CONTOH)</b>	
<b>2</b>	Sijil Pertama	: RM RM 19,000.00
	Sijil Kedua	: RM RM 30,000.00
<b>JUMLAH NILAI SIJIL</b>	<b>RM 49,000.00</b>	
<b>JUMLAH UNIT 50,000 - 100,000</b>	<b>JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN: 3 SIJIL</b>	
<b>JUMLAH SIJIL</b>	<b>NILAI SIJIL (CONTOH)</b>	
<b>3</b>	Sijil Pertama	: RM 25,000.00
	Sijil Kedua	: RM 25,000.00
	Sijil Ketiga	: RM 50,000.00
<b>JUMLAH NILAI SIJIL</b>	<b>RM100,000.00</b>	
<b>JUMLAH UNIT &gt; 100,000</b>	<b>JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN: 4 SIJIL</b>	
<b>JUMLAH SIJIL</b>	<b>NILAI SIJIL (CONTOH)</b>	
<b>4</b>	Sijil Pertama	: RM 25,000.00
	Sijil Kedua	: RM 25,000.00



	Sijil Ketiga	: RM	25,000.00
	Sijil Keempat	: RM	25,000.00
<b>JUMLAH NILAI SIJIL</b>			<b>RM200,000.00</b>

Nota : Yuran sijil adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh ASNB.

**13. Apakah faedah yang saya perolehi jika saya membuat pembelian lebih dari 1 sijil?**

Ia adalah bertujuan untuk memudahkan anda menebus sijil yang telah berbayar untuk kegunaan peribadi, tertakluk kepada terma dan syarat.

**14. Bolehkah saya membuat permohonan bersama untuk pembiayaan ASB2-i?**

Ya, anda boleh memohon Pembiayaan ASB2-i bersama tertakluk pada syarat and terma yang telah ditetapkan. Kelayakan untuk pemohon bersama adalah seperti berikut;

- Warganegara Malaysia dan Bumiputera
- Pemohon bersama mestilah daripada ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa, anak atau adik-beradik yang boleh membuat bayaran balik
- Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 70 tahun.
- Pemohon bersama mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pembiayaan yang memuaskan di institusi kewangan.
- Tidak muflis.

**15. Bagaimana jika saya ingin mengeluarkan jumlah yang telah saya bayar dari akaun pembiayaan yang sedia ada?**

Anda boleh mengeluarkan jumlah yang telah dibayar melalui pakej penebusan separa, tertakluk kepada terma dan syarat.

**16. Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?**

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tertakluk kepada terma dan syarat oleh kami. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

**17. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan.

**18. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:

**Maybank**  
Cawangan : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
Tel/Fax : \_\_\_\_\_  
Email : \_\_\_\_\_

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26167766  
E-mail : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

**Maybank**  
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan  
Tingkat 28, Menara Maybank  
100 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Talian Utama: 03-20748075  
Email: [cfm@maybank.com.my](mailto:cfm@maybank.com.my)

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi BNM LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Email : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR KEMUDAHAN INI.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari **Januari 2025**

**Pengakuan Pelanggan**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami isi kandungan Helaian Makluman Produk.

Pelanggan:

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_